

Kecewa masalah denggi dipandang sepi

S.H 11/2/09 MPS

NORFARHANA YAACOB

BATU CAVES - Penduduk di Indian Settlement melahirkan rasa kesal dan kecewa mereka apabila masalah air bertakung di jalan kampung itu tidak diambil berat pihak berkenaan.

Masalah yang berlaku menyebabkan seramai lapan penduduk di situ dilaporkan mengalami demam denggi termasuk seorang bayi berusia tiga bulan.

Penduduk, M Vijayan, 45, berkata, apabila hujan rumahnya sering menjadi mangsa menyebabkan air dari longkang kawasan perumahan sebelah iaitu Pangsapuri Desa Putra, melimpah dan mengalir ke kawasan rumahnya.

Menurutnya, air longkang di kawasan perumahan sebelah, telah lebih dua tahun tersumbat dan sekarang melimpah ke jalan Indian Settlement.

Katanya, sudah sebulan masalah air kotor dan busuk itu melanda kampungnya namun sehingga kini belum ada



Sebahagian penduduk menutup hidung kerana bau busuk air longkang yang melimpah dari perumahan sebelah kampung mereka.

sebarang tindakan yang diambil.

"Saya kesal walaupun banyak kes denggi dilaporkan di kawasan ini namun pihak berkenaan seolah-olah tidak mengambil serius dalam menangani hal ini," katanya kepada **Sinar Harian**

Bagi mangsa denggi, S

Laknes, 24, berkata, kejadian denggi hampir meragut nyawanya sehingga dia pernah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

Katanya, tindakan menangani masalah air bertakung seperti ini perlu disegerakan lebih-lebih lagi di kampung ini telah dilaporkan kes denggi.

fakta

Masalah yang berlaku menyebabkan seramai lapan penduduk di situ dilaporkan mengalami demam denggi termasuk seorang bayi berusia tiga bulan

Sementara itu, Timbalan Persatuan Penduduk Indian Settlement, R Viriya, 45, berkata, masalah yang berlaku telah dipanjangkan kepada pihak berkenaan termasuk kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Kesihatan Gombak dan Ahli Parlimen Gombak, Azmin Ali.

Menurutnya, dia telah menghantar surat kepada pihak berkenaan pada 2 Februari lalu, namun sehingga sekarang sebarang tindakan belum diambil termasuk melakukan

penyemburan nyamuk di kawasan kampung itu.

Katanya, dia turut kecewa dengan MPS kerana aduan yang dilaporkan tidak diambil tindakan segera sedangkan hal ini berkaitan dengan nyawa penduduk di sini yang berjumlah hampir 1,000 orang.

"Saya kecewa masalah ini tidak ditangani segera dan tidak mahu apabila ada kes yang meragut nyawa disebabkan denggi baru pihak berkenaan hendak bertindak.

"Di kampung ini juga telah bertahun-tahun tidak dilakukan penyemburan basmi nyamuk dan sepatutnya apabila telah ada kes denggi dilaporkan pihak yang bertanggungjawab perlu melakukannya dan menjalankan pemeriksaan di kawasan ini namun tidak berlaku," katanya.

Menurutnya, sekiranya tindakan awal untuk menangani masalah dan wabak ini tidak diambil segera tidak mustahil kes denggi di kampung itu terus akan meningkat.